



Naib Canselor UniMAP Pembentang Jemputan di 7th QS World Class Conference

Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah diberi penghormatan sebagai pembentang jemputan di 7th QS World Class Conference bertempat di Bandar Sandton, Johannesburg, Afrika Selatan.

Seminar QS World Class ini merupakan satu platform eksklusif yang mengumpulkan ketua-ketua universiti dari serata dunia terutama dari rantau Asia bagi perkongsian maklumat terkini dan berkualiti. Penglibatan UniMAP di dalam acara anjuran QS Asia Quacquarelli Symonds ini merupakan salah satu strategi promosi dan melebarkan jaringan di peringkat antarabangsa. Antara universiti yang mengambil bahagian adalah University of Jordan, King Abdulaziz University, Nanyang Technical University of Technology, dan Johannesburg University.

Di dalam pembentangan beliau yang bertajuk *Transforming Malaysian Higher Education to World Class Universities*, Datuk Prof. Dr. Kamarudin merungkai inisiatif dan strategi bagi meningkatkan mutu institusi pengajian tinggi di Malaysia. Turut membentangkan kertas kerja di seminar tersebut adalah Prof. Ihron Rensburg dari Johannesburg University, Baerbel Eckelman, Pengurus Penyelidikan QS Intelligence UK, Prof. Sulaiman Al Yahya dari Qassim University dan beberapa lagi tokoh pendidikan tinggi.

Dalam siri lawatan yang sama, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman telah diadakan di mana UniMAP bakal berganding bahu dengan Higher Colleges of Technology (HCT) untuk menjayakan persidangan 7th QS MAPLE pada 2017. Prof. Datuk Kamarudin Hussin telah menandatangani dokumen perjanjian bagi pihak UniMAP manakala HTC diwakili oleh Dr. Nadeem Khan. Turut sama menandatangani dokumen tersebut adalah Mandy Mok, Pengerusi Eksekutif QS Asia Quacquarelli Symmonds.

